



**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
PEKELILING MAJIKAN BIL. 2 TAHUN 2020**

**TATACARA PERMOHONAN BANTUAN KEWANGAN RM600 UNTUK PEKERJA
DALAM PROGRAM PENGEKALAN PEKERJAAN (*EMPLOYMENT RETENTION
PROGRAMME*) (ERP) DI BAWAH PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI 2020
(PRE2020) SISTEM INSURANS PEKERJAAN PERKESO**

1. TUJUAN

Pekeling ini bertujuan untuk menjelaskan kepada majikan berkenaan tatacara permohonan bantuan kewangan sebanyak RM600 bagi setiap pekerja setiap bulan untuk tempoh maksimum 6 bulan bagi membantu pekerja yang terpaksa mengambil cuti tanpa gaji (CTG) mengikut **Program Pengekalan Pekerjaan (Employment Retention Programme) (ERP)** di bawah Paket Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE2020).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Bil 1/2020 pada 16 Mac 2020 telah bersetuju untuk mengambil langkah tambahan bagi memperkuatkan Paket Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE2020) iaitu memberi bantuan kewangan segera (*immediate assistance*) sebanyak RM600 sebulan kepada pekerja yang terpaksa mengambil CTG melalui Program ERP

- 2.2. Program ini yang dilaksanakan oleh PERKESO akan membantu majikan yang terjejas akibat Covid-19 yang terpaksa mengambil langkah mengurangkan kos operasi dengan pendekatan mengeluarkan notis CTG kepada pekerja yang

terlibat bagi tempoh antara 1 hingga 6 bulan mengikut tempoh notis CTG daripada majikan tersebut.

- 2.3. Langkah Ini secara tidak langsung merupakan salah satu perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja apabila kehilangan sumber pendapatan kesan daripada keadaan luar jangka (kesan Covid-19) untuk meneruskan kelangsungan kehidupan mereka dan keluarga.

3. PROGRAM PENGEKALAN PEKERJAAN (*EMPLOYMENT RETENTION PROGRAM – ERP*)

Syarat Liputan

- 3.1. Semua majikan sektor swasta yang menggaji pekerja termasuk pekerja sambilan dan telah berdaftar serta sedang mencarum dengan SIP yang bergaji bulanan RM4,000 dan ke bawah sahaja layak diliputi dalam Program ERP.
- 3.2. Pekerja yang telah diberhentikan kerja, pekerja di sektor awam, mereka yang bekerja sendiri (tidak mempunyai majikan) termasuk *freelancers*, pekerja asing dan pegawai dagang tidak diliputi di bawah program ERP.
- 3.3. Tempoh permulaan liputan Program ERP kepada majikan adalah ke atas mereka yang telah mengeluarkan notis CTG kepada pekerja mulai 1 Mac 2020 sehingga satu tarikh yang akan ditetapkan oleh PERKESO.

Kadar Bayaran dan Tempoh Layak

- 3.4. Kadar bayaran bantuan kewangan adalah bergantung kepada tempoh notis mula CTG. Sekiranya tarikh notis mula CTG adalah sebulan mengikut tarikh tamat CTG tersebut, bayaran mengikut kadar rata sebanyak RM600 sebulan akan dibayar kepada setiap pekerja yang terlibat.
- 3.5. Sekiranya tempoh notis mula CTG adalah dua (2) bulan mengikut tarikh tamat CTG tersebut, bayaran mengikut kadar rata sebanyak RM600 bagi setiap bulan

akan dibayar kepada setiap pekerja yang terlibat membabitkan perbelanjaan sebanyak RM1,200.

- 3.6. Jumlah kelayakan bagi setiap satu permohonan tempoh notis mula CTG adalah antara 1 bulan hingga maksimum jumlah 6 bulan bergantung kepada notis mula CTG yang dikeluarkan oleh majikan sama ada secara sekali gus atau berturutan.
- 3.7. Majikan yang telah menerima peruntukan bayaran ERP daripada PERKESO secara bulanan, adalah bertanggungjawab untuk mengkreditkan bayaran bulanan sebanyak RM600 ke dalam akaun bank pekerja yang terlibat dalam masa 7 hari dari tarikh bayaran yang diterima daripada PERKESO.
- 3.8. Majikan yang mengemukakan apa-apa maklumat palsu, tidak benar atau mengelirukan kepada PERKESO atau majikan yang gagal untuk menyalurkan bayaran bulanan tersebut kepada pekerja, boleh menyebabkan permohonan berikutnya digantung dan tindakan undang-undang akan dikenakan ke atas majikan.

Tatacara Permohonan

- 3.9. Setiap permohonan hendaklah dikemukakan secara online atau melalui borang permohonan yang dikemukakan kepada mana-mana pejabat PERKESO oleh majikan bagi pihak pekerja yang terlibat dan majikan tersebut hendaklah bertanggungjawab untuk menyalurkan bayaran bulanan RM600 kepada pekerja yang terlibat.
- 3.10. Majikan hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap melalui Borang Permohonan ERP C-19 (**Lampiran 1**) dan melampirkan dokumen mandatori surat Notis CTG yang mengandungi senarai pekerja terlibat. Permohonan yang lengkap boleh dihantar melalui emel erpc19@perkeso.gov.my atau melalui online sekiranya sistem online telah dibangunkan.

3.11. Senarai Pekerja hendaklah mengandungi butiran-butiran berikut:

- (i) Nama Penuh Pekerja
- (ii) Nombor Kad Pengenalan Warganegara Malaysia (No. KPPPN)
- (iii) Nama Jawatan (*job title*)
- (iv) Maklumat Gaji Bulanan Terakhir Pekerja (RM)
- (v) Maklumat emel dan no telefon untuk dihubungi

4. PEMAKAIAN

Pengemukaan Borang Permohonan ERP C-19 Program Pengekalan Pekerjaan (*Employment Retention Programme*) boleh dilakukan melalui emel atau online (sekiranya sistem telah tersedia) yang mana permohonan boleh dikemukakan mulai **20 Mac 2020**.


5. PERTANYAAN

Soalan lazim berkenaan program ERP adalah seperti di **Lampiran 2**. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan di talian 1 300 22 8000 atau emel perkeso@perkeso.gov.my. Untuk mengikuti perkembangan terkini berkaitan SIP dan program ERP, sila layari microsite eiscentre.perkeso.gov.my

TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Majikan ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Mac 2020, dan tertakluk kepada pindaan yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED)

Ketua Eksekutif

Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh: 18 Mac 2020